

DILEMA MELAYU SABAH

*Setelah Membaca Buku "The Malay Dilemma" &
Menghadapi Cabaran" tulisan Dr. Mahathir Mohamad*

9923

Z

Al-Azharri Siddiq Haji Kamunri

To,

YAB Tan Dr. Mahathir
Mohamed,
Prime Minister,
Malaysia -

Ikklas daeripada,

Dr. Al-Azhari Siddiq
MKN, Putrajaya -

22/07/2019.



DILEMA MELAYU SABAH

*Setelah Membaca Buku "The Malay Dilemma" &
Menghadapi Cabaran" tulisan Dr. Mahathir Mohamad*

Al-Azharri Siddiq Haji Kamunri

PUSTAKA PERDANA



1012351

2012

Cetakan Pertama 2012

Diterbitkan oleh :

Jaybees Print Industries Sdn. Bhd. [611177-H]
No.2 Jalan Sayur, Off Jalan Pudu
55100 Kuala Lumpur

Tel : +603-2141 0939

Fax : +603-2141 5675

Email : jaybees.print@gmail.com

@Jaybees Print Industries Sdn. Bhd. 2012

Pusat Kebangsaan ISBN - Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-11214-0-5

Hakcipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada JAYBEES PRINT INDUSTRIES SDN. BHD.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Al-Azharri Siddiq Haji Kamunri, 1971

Dilema Melayu Sabah /

Al-Azharri Siddiq Haji Kamunri

978-967-11214-0-5

1. Jentayu Di Selat Tebrau

2. ABAKA, Kemelut Kesengsaraan & Ranjau

Dicetak oleh :

Jaybees Print Industries Sdn. Bhd.



Isi Kandungan

Terima Kasih Impian Emas	3
Mukadimah	4
Kata Pengantar	5
Introduksi	10
Sinopsis	17
<hr/>	
Bab Pertama:	
UMNO Di Tengah-Tengah Politik Sabah	25
<hr/>	
Bab Kedua:	
UMNO Dan Cabaran Di Sabah	52
<hr/>	
Bab Ketiga:	
UMNO Dan Demokrasi	80
<hr/>	
Bab Keempat:	
Krisis UMNO 1987: Satu Pengajaran Kepada Umno Di Sabah	110
<hr/>	
Bab Kelima:	
Penyatuan Melayu: Satu Impian	166
<hr/>	
Bab Keenam:	
Guru-Guru Melayu: Antara Dilema Dan Etika	180
<hr/>	
Penutup	
Dilema Melayu Sabah: Menuntut Generasi Berwawasan	195
<hr/>	
Lampiran 1 :	
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Di Perhimpunan Agung USNO dan Perasmian UMNO Sabah (1991)	220
Lampiran 2 :	
Minit Mesyuarat Penubuhan UMNO Sabah	232
Lampiran 3 :	
Laporan Badan Perhubungan Penaja UMNO Sabah	234
<hr/>	
Bibliografi	236
<hr/>	
Biodata penulis	242

Terima Kasih Impian Emas

Saya mula menulis buku ini pada bulan Disember 1990 dan siap sepenuhnya pada 8 April 1991. Akhirnya, selepas 22 tahun (1990-2012) menunggu dengan penuh kesabaran, impian emas ini menjadi kenyataan. Syukur kepada Allah SWT atas limpah dan kurnia yang diberikanNYA.

Surat-surat saya kepada Y.A.Bhg Tun Dr. Mahathir dijawab dengan begitu hemah, penuh semangat dan dorongan. Beliau menunjukkan sifat negarawan yang unggul, beliau tahu keperluan kewangan untuk menerbitkan buku ini, namun beliau tidak memberi saya keperluan kewangan itu tetapi beliau memberi saya cabaran dan kata beliau jayakan impian emas anda, saya akan membacanya.

Tan Sri Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim (UM), Tan Sri Brig. Jen. Liew Yun Fah (Sabah), Profesor Abdullah Zakaria (UM), Saudara Eyuki bin Ogi (Kunak), mereka semua telah menjayakan impian emas ini. Isteri saya Dr. Putri Yubbu merupakan insan yang amat memahami dan dia *touch point* yang menjayakan impian emas ini dan juga sokongan anak-anak saya iaitu Aimi Fatimah, Ain Farhanah, Annur Iman dan Ainur Syifa.

Kepada ibu bapa saya Hj. Kamunri Hj. Naho dan Hj. Harisah Lile, adik beradik saya Normah, Mohd Zakir, Siti Hajar, Al-Amiesgha Ahmad Basir, Hasmi Dhani, Rosni, Siti Azizah, Abdul Khaaliq dan Muhd Arif. Mereka semua ini banyak memberi sokongan yang penting semasa di zaman kesusahan. Pak cik saya Arsad Lile, beliau telah memberikan saya sebuah mesin *typewriter* jenama *brothers* tahun 1970. Dengan mesin taip itulah, saya menghasilkan 3 buah buku Jentayu Di Selat Tebrau (DBP,2000), ABAKA Kemelut Kesengsaraan & Ranjau (DBP,2005) dan buku ini.

Kepada orang perseorangan yang tidak dapat disebut di sini, orang-orang kampung saya di DUN Merotai dan Parlimen Kalabakan, sahabat-sahabat, anda semua telah menjayakan impian emas saya ini.

Terima kasih.

Salam Hormat,

Al-Azharri Siddiq Hj. Kamunri

Putrajaya, 1 April 2012.

Mukadimah

Al-Azhari memang seorang pemuda yang luar biasa. Pertama, dia berani berusaha menulis sebuah buku yang serius waktu di sekolah lagi. Murid sekolah biasa bukan hanya tidak berfikir tentang kemungkinan menulis buku untuk orang ramai (orang dewasa), mereka juga jarang memberi perhatian kepada politik. Di universiti pun tidak ramai mahasiswa/i yang biasa berbincang tentang politik.

Kedua, Al-Azhari mempunyai kesabaran dan keazaman yang jarang ada pada orang dewasa apa lagi pelajar. Menunggu hampir 22 tahun untuk mendapat peluang menerbitkan sebuah buku pun bukan kejadian yang biasanya berlaku di kalangan orang Barat. Bagi kebanyakan orang, Al-Azhari mungkin dianggap degil. Tetapi dalam kes ini, kedegilannya patut dipuji.

Cara dia menulis buku ini jelas bukan bersifat akademik; di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa dia menulis dengan penuh keikhlasan dan komitmen. Dia berasa perlu untuk memberi ulasan tentang kedudukan orang Melayu di Sabah serta selok belok politik Sabah. Mungkin sudah jelas kepada umum, segala persepsi tentang politik tak dapat tidak adalah bersifat subjektif. Ramai sudah tentu tidak bersetuju dengan pendapat Al-Azhari. Ini tidak bererti bukunya tidak bernilai kerana tujuan utama dia menulis buku ini adalah untuk memberi penjelasan tentang aspek-aspek tertentu politik Sabah, dari perspektif seorang Melayu yang bimbang tentang masa depan orang Melayu.

Para pendidik di negara ini patut meneliti buku ini bukan hanya dari segi kandungannya tetapi juga segala kedukaan serta kesakitan jiwa yang telah dirasai oleh penulisnya kerana karya yang dihasilkan dengan niat yang baik dan usaha yang ikhlas lama tidak diambil berat oleh banyak pihak kerana dia bukan seorang yang ternama.

Pada pendapat saya, yang amat penting bukan sama ada buku ini boleh dianggap setaraf dengan banyak yang pernah diusahakan tentang orang Melayu dan Tun Dr. Mahathir, tetapi potensi yang ada pada Al-Azhari. Jelas dia mempunyai bakat; lebih mustahak lagi, dia mempunyai pendapat yang tersendiri dan tidak segan menyampaikan pendapat itu melalui tulisan yang diusahakan dengan penat lelah. Saya yakin bakat Al-Azhari dapat diasuh dan dipertingkatkan tarafnya.

Tahniah Al-Azhari. Mudah-mudahan ini bukan buku yang pertama dan terakhir yang akan saudara hasilkan. Negara ini memerlukan ramai penulis yang serius untuk menghidangkan kepada masyarakat fikiran-fikiran yang bernas guna membimbing golongan muda agar masyarakat kita akan sentiasa maju dari segi kreativiti. Jangan lupa, bagi seorang sarjana terutamanya, yang penting bukan 'jawapan yang betul' selalunya, tetapi 'jawapan yang original dan rasional'. Mudah-mudahan buku ini akan membawa inspirasi yang positif kepada pengarangnya.



Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim

Kata Pengantar

SEBENARNYA buku ini telah lama siap iaitu pada tahun 1991 lagi. Ketika itu umur saya baru hendak mencecah 20 tahun. Kebetulan cuti hujung tahun tingkatan 6, sementara menanti keputusan STPM saya mengisi masa lapang dengan menulis buku ini. Walaupun usia saya terlalu muda, tetapi minat saya yang mendalam terhadap politik negeri Sabah (kebetulan ketika itu UMNO sedang rancak bertapak di Sabah, dan ayah saya pula merupakan salah seorang penaja UMNO Sabah di bahagian Tawau).

Kebetulan juga saya selalu dibawa mengikuti lawatan-lawatan YB Tuan Hj. Said Hj. Senang (mantan Pembantu Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan Negeri Sabah dan wakil rakyat kawasan N.46 Merotai) ke kampung-kampung. Pada masa itu, beliau mempunyai jadual lawatan mingguan yang tetap, suka membawa imam-imam, memandu sendiri keretanya, memakai sarung dan berbaju Melayu, solat berjemaah di surau-surau, dan sangat sederhana perawakannya. Bagi saya sukar untuk mendapat pemimpin bersifat warak, sederhana dan rajin turun padang ke kampung-kampung seperti beliau lagi.

Satu kenangan yang tidak dapat saya lupakan ialah semasa Pilihanraya Negeri 1985, beliau tidur dengan beberapa jemaah termasuk saya di Masjid Nurul Iman Bombalai. Pada lewat tengah malam, saya perhatikan beliau tidak tidur hingga ke subuh melainkan membuat qiamullail dan berzikir seorang diri. Pada tahun 1991, ahli-ahli USNO Cawangan Kg. Pertama Bombalai serta cawangan-cawangan lain menyertai UMNO, sebenarnya beliau sendiri yang menggalakkannya. Ketika Pilihanraya Negeri Sabah tahun 1994, beliau pula berdiri di atas tiket parti campuran USNO-PBS bertanding melawan calon UMNO(BN). Saya masih ingat ketika itu, semua ketua-ketua cawangan USNO termasuk ayah saya yang sebelum ini menyokong kuat beliau telah berkerja keras untuk kemenangan UMNO, saya sedih dan kasihan melihat beliau sendirian berkempen melawan jentera UMNO yang kuat.

Pada hari terakhir berkempen, ketika solat Jumaat kami berjumpa

di Masjid Nurul Iman Bombalai dan kami berpelukan, tidak sedar air mata mengalir. Oleh kerana kawasan N 46 Merotai adalah kubu kuat BN, maka YB Tuan Hj. Said Senang tewas, tetapi rakyat Merotai tidak dapat melupakan keperibadiannya yang sungguh dekat di hati rakyat, warak, hidup sederhana dan sabar, bagi saya beliau tidak ada duanya. Kini beliau sudah menjadi ahli UMNO. Kali terakhir saya berjumpa beliau, ketika kenduri arwah ayah beliau pada tahun 2001, dan sifat warak beliau masih terpelihara. Daripada lawatan-lawatan itu, saya melihat kekurangan dan kedhaifan masyarakat Melayu bumiputera di kampung-kampung, khususnya dari segi pendidikan, ekonomi, infrastuktur, dan sebagainya.

Saya juga sangat tertarik dengan idea Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia sejak 1981) dalam bukunya *The Malay Dilemma* (1970) dan buku keduanya *Menghadapi Cabaran* (1976). Bolehlah dianggap idea-idea dalam buku ini datangnya daripada bacaan saya terhadap kedua-dua buku tersebut, di samping ketokohan beliau mentadbir dan membangunkan negara kita sehingga terkeluar dari kepompong lama.

Setelah buku ini siap, saya berusaha menghubungi penebit-penebit buku di Kuala Lumpur hanya melalui surat sahaja, kerana ketika itu saya duduk di kampung tidak mempunyai kemudahan telefon di samping tidak mampu menggunakan kemudahan berbayar yang lain. Maklumlah baru tamat tingkatan 6, tidak mempunyai pekerjaan dan ayah pula berkerja di ladang swasta dengan gaji yang kecil, dan kami mempunyai 10 orang adik beradik. Tetapi semangat saya tetap kuat untuk mencari penerbit-penerbit yang sanggup menerbitkannya. Buku ini hampir diterbitkan tetapi pada surat terakhir Jawatankuasa Penerbitan syarikat tersebut mengambil keputusan tidak menerbitkannya. Beberapa komen daripada Jawatankuasa tersebut amat menyedihkan saya, malah ia hampir membunuh semangat saya untuk menulis.

Saya jadi buntu, kerana proses menyiapkan buku ini sangat rumit, Pada ketika itu saya bergantung dengan mesin taip buruk milik pakcik saya yang digunakannya ketika latihan perguruan di Maktab Perguruan Kent, Tuaran pada tahun 1973. Kedua, saya terpaksa membaca dan membuat penyelidikan terhadap banyak buku-buku yang berkaitan. Ketiga, rumah ayah saya ketika itu adalah rumah kongsi dengan hanya dua bilik yang

mana keluarga seramai 13 orang adik-beradik, ibu bapa dan seorang nenek tinggal dalam rumah sekecil itu. Keempat, oleh kerana kami tinggal dalam rumah syarikat perladangan kemudahan lampu adalah dicatu. Dalam keadaan-keadaan yang sukar di atas, hanya semangat untuk agama, bangsa dan negara sahaja yang membolehkan buku ini dapat disiapkan.

Kekecewaan saya kerana kegagalan buku ini diterbitkan saya bawa sampai tahun 2002, iaitu selepas 11 tahun berlalu. Saya hampir membakar manuskrip asal buku ini. Kemudian, apabila saya mendapat pekerjaan sebagai guru sandaran di SMK Abaka, Tawau (1992-1995) aktiviti penulisan saya menjadi perlahan kerana kesibukan dengan aktiviti persekolahan.

Apabila saya melanjutkan pelajaran saya di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru (1995-1997) saya membawa bersama-sama buku ini. Saya telah berjumpa seorang pensyarah yang saya kira boleh membantu saya, maka pada tahun 1995 itu saya meminta bantuannya untuk memperbaiki buku saya ini kerana pada fikiran saya tentu banyak kelemahannya sehingga ia gagal diterbitkan dahulu. Harapan saya sangat tinggi terhadap pensyarah saya itu, malangnya apabila saya hampir tamat pengajian dan hendak balik ke Sabah (1997), saya meminta semula buku tersebut dan hati saya sekali lagi dikecewakan kerana buku ini tidak ada apa-apa perubahan. Ia sama seperti mana saya memberinya awal dahulu. Selama hampir 3 tahun buku itu dalam simpanannya, dan saya kecewa lagi. Tetapi saya tidak salahkannya seratus-peratus, mungkin beliau sangat sibuk dengan tugas sebagai pensyarah.

Kemudian, saya melanjutkan pendidikan saya di USM, Pulau Pinang dalam bidang sejarah dan kaunseling (1998-2002). Setelah mendirikan rumahtangga pada tahun 2001, saya berfikir semula untuk menerbitkan buku ini. Saya tidak bercadang untuk mengubah apa-apa pandangan yang saya tulis 22 tahun dahulu (iaitu umur saya 19 tahun ketika itu), kerana saya tidak mahu idea dan idealisme asli dalam buku itu hilang. Biarlah ia kekal dengan gaya dan pandangan asalnya, sekurang-kurangnya pembaca dapat membaca pemikiran-pemikiran saya ketika saya masih berusia 19 tahun. Mungkin boleh dianggap sebagai satu pandangan generasi Melayu baru di Sabah ketika itu. Dahulu saya berharap ini buku pertama saya diterbitkan, tetapi novel sulung saya berjudul "Jentayu Di Selat Tebrau" terbitan DBP telah lebih awal diterbitkan iaitu ada tahun 2000 (sesudah

menang peraduan menulis novel remaja Sabah 1997). Begitu juga buku kedua saya “ABAKA Kemelut Kesengsaraan & Ranjau” (DBP, 2005).

Saya ingin sekali mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dr. Mahathir Mohamad, kerana pandangan-pandangan beliau khususnya dalam buku *The Malay Dilemma* dan Menghadapi Cabaran, serta ucapan-ucapan perdana beliau sepanjang 10 tahun (1981-1991) banyak mempengaruhi pemikiran saya. Bagi saya, Dr. Mahathir Mohamad bukan setakat Perdana Menteri, tetapi seorang ahli pemikir bangsa Melayu yang teragung. Beliaulah yang membangunkan dan memajukan negara Malaysia, dan beliaulah insan yang bertanggungjawab memajukan bangsa Melayu sehingga dihormati dan disegani di seluruh dunia. Ia adalah satu pencapaian peribadi beliau yang sangat menakjubkan (sama ada Lee Kuan Yew di Singapura, Sukarno dan Suharto di Indonesia, Maharaja Meiji di Jepun, Raja Chulalongkorn di Thailand, Abraham Lincoln di Amerika, Winston Churchill di Britain, Mao Tze Tung di China) saya berpendapat Dr. Mahathir Mohamad masih tergolong dalam kelasnya yang tersendiri.

Dalam buku ini, saya fokuskan kejayaan-kejayaan negara dan kejayaan UMNO membina sebuah dasawarsa bangsa Melayu yang dihormati, disegani dan menakjubkan. Daripada pemikiran-pemikiran beliau dalam buku-buku beliau yang terdahulu serta ucapan-ucapan perdana, maka saya fikir orang Melayu dan bumiputera di Sabah hendaklah mengikuti dan merealisasikan idealisma beliau. Maka timbullah cita-cita saya menulis buku ini, nantinya saya harap dapatlah orang-orang Melayu dan bumiputera di Sabah menikmati kejayaan sebagaimana kejayaan orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Inilah pandangan saya, yang ada dalam hati saya.

Saya memohon maaf kepada pembaca, sekiranya pandangan-pandangan saya dalam buku ini sangat tidak sesuai dengan pandangan para pembaca. Saya gembira jika terdapat kritik terhadap buku ini, kerana saya sedar sebagai manusia biasa terdapat kelemahan dalam diri saya, dan seterusnya terdapat kelemahan dalam penulisan ini. Ia tidak dapat dielakkan. Juga harus diambil kira, pendapat-pendapat yang tertera dalam buku ini adalah pandangan saya ketika saya berumur 19 tahun, baru tamat tingkatan 6. Apatah lagi dalam tempoh 22 tahun selepas buku ini ditulis, (sepanjang UMNO dan BN memerintah negeri Sabah) banyak kemajuan-kemajuan

dan perubahan-perubahan besar dalam negeri Sabah. Terdapat banyak kemajuan dalam bidang ekonomi, pendidikan, infrastruktur, sosial dan politik. Malah parti PBS yang menikam Barisan Nasional dalam pilihanraya 1990 dahulu sudah juga diterima semula dalam Barisan Nasional.

Apa pun, mudah-mudahan buku ini dapat dilihat dari sudut yang positif. Pandangan saya 22 tahun lalu ini, mungkin telah dimamah usia namun mungkin ada sekelumit rahsia yang masih berguna untuk bangsa Melayu di Sabah khususnya.

INTRODUKSI

“Malaysia adalah negara kita, negara orang Melayu, orang Bumiputera, orang-orang Malaysia keturunan Cina, keturunan India, Kadazan dan lain-lain keturunan”

Dr. Mahathir Mohamad.
*Dewan Merdeka, PWTC,
Kompleks UMNO Malaysia.*
27 September 1985



Introduksi

Sepanjang pertengahan tahun 1980an dan di awal tahun 1990an, suasana dan senario politik tanah air benar-benar terkupas begitu berani, matang, panas dan kadang-kadang genting. Semua ini didapati amat-amat membimbangkan sesetengah pihak yang cintakan keamanan dan kedamaian negara kita yang berterusan.

Kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad benar-benar teruji, begitu juga kepimpinannya. Apabila pemerhati politik berasa sudah cukup yakin yang negara ini akan bertukar tangan dengan satu pimpinan *order* baru Melayu semasa kempen hangat pilihanraya umum 1990, tidak siapa di antara mereka yang menjangka ramalan akan kekalahan Dr. Mahathir dan BN telah bertukar tangan dengan kemenangan Dr. Mahathir dan BN yang cukup bermaruah. Tokoh-tokoh politik dalam dan luar negeri mengangkat tabik hormat kepada kejayaan Dr. Mahathir melalui onak dan duri sepanjang pilihanraya tahun 1990 itu. Agaknya adakah telah terfikir oleh kita untuk mencari pengganti beliau, atau masih sukar untuk menafikan kemampuan Dr. Mahathir mentadbir negara Malaysia.

Tahun Dr. Mahathir menyaksikan betapa matlamat dan gagasan-gagasan “Tak Kan Melayu Hilang Di Dunia” atau yang terungkap dalam “*The Malay Dilemma*” dan juga dalam buku “Menghadapi Cabaran” semuanya memperlihatkan yang survival, keagungan dan ketuanan bangsa Melayu akan tetap terjaga, malah kita harus mengakui bahawa ia semakin mantap, menonjol dan dihormati bawah kepimpinan Dr. Mahathir kerana beliau tahu apa yang harus dilakukannya untuk mengangkat martabat dan darjat bangsa, agama, dan negara Malaysia. Kita seharusnya tidak lupa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO bukan dengan cara mudah (Dr. Mahathir sendiri rakyat biasa yang ibu bapanya hanya seorang guru dan bukannya anak bangsawan), tetapi Dr. Mahathir sebelumnya pun, sudah mempunyai gagasan dan wawasan yang besar sebelum pun beliau menjadi orang politik. Adakah pemimpin-pemimpin UMNO di Sabah dan yang lainnya juga sudah mempunyai gagasan dan

wawasan yang besar sebelum menyertai UMNO, atau selepas mendapat tempat dalam parti?

Terpulanglah kepada kita untuk membuat interpretasi maksud ‘Tahun Dr. Mahathir’ yang saya maksudkan, sama ada ia bermakna sepanjang pemerintahan beliau sejak 1981 hingga sekarang, atau sejak krisis beliau dengan almarhum Tunku Abd. Rahman Putra Al-Haj sehingga Dr. Mahathir dilantik sebagai Menteri Pelajaran atau tempoh-tempoh yang pembaca sendiri mempunyai maksud yang lain daripada maksud ‘Tahun Dr. Mahathir’ saya. Wawasan 2020, Pelan Induk Belia Negara atau (PIBN), projek Kampungku, East Asia Ekonomi Group (EAEG) dan macam-macam lagi misi dan visi Dr. Mahathir semuanya menunjuk bahawa idea-idea pembangunan beliau semakin menguntungkan negara kita dan curahan keuntungan itu telah dapat dinikmati oleh rakyat jelata dari segenap lapisan rakyat.

Saya tidak bermaksud memperbesar-besarkan kehebatan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, namun apa yang harus difahami secara lebih mendalam ialah pengorbanan Dr. Mahathir menyelesaikan masalah-masalah negara yang tidak henti-henti. Sama ada masalah-masalah yang melibatkan maruah dan kepentingan negara atau masalah-masalah sesebuah negeri, semuanya tidak mungkin terlepas daripada perhatian Dr. Mahathir. Khabarnya setiap kali mesyuarat kabinet, Dr. Mahathir akan mengeluarkan nota kecil dari poketnya, dan setiap menteri-menteri akan tertunggu-tunggu apakah teguran yang bakal mereka dengar.

Dr. Mahathir tidak takut andai sesuatu yang beliau lakukan itu akan mengurangkan kepopularan beliau sebagai pemimpin utama apatah lagi sebagai pemimpin Dunia Ketiga. Pada Dr. Mahathir, adalah lebih baik tidak menjadi popular daripada menjadi popular tetapi membawa kesan buruk kepada rakyat dan negara. Perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum atau pun yang melibatkan agama sekali pun masih menjadi perhatian Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir bukan sahaja mengorbankan jiwa dan perasaan, tetapi juga mengorbankan kehidupan beliau yang masih perlukan perhatian dan penjagaan rapi beliau sendiri. Semangat nasionalisme yang cukup-cukup mendalam sepatutnya ditanggapi oleh rakyat dengan satu balasan; kalau pun balasan itu tidak berbentuk material setidaknya-tidaknya rakyat perlu

memberi pemahaman dan sokongan yang sepositifnya terhadap dasar-dasar dan wawasan pemerintahan beliau. Ini sudah pasti lebih baik kepada Dr. Mahathir, daripada memberikan pujian atau pun hadiah-hadiah yang tidak mungkin beliau harapkan.

Melalui kebijaksanaan dan pandangan jauh Dr. Mahathir terhadap negara serta rakyat Malaysia keseluruhannya, pada hari ini kita sendiri melihat dan menyaksikan bahawa negara Malaysia telah diakui sebagai satu-satunya destinasi yang cukup selamat sebagai destinasi ekonomi, politik, dan sosial di dunia. Beliau berjaya mengukuhkan kedudukan ekonomi di tahap yang selamat dan kini di antara negara-negara membangun, Malaysia adalah yang termaju dan cukup disegani di dunia. Kestabilan politik dan keharmonian rakyat yang menghuni negara Malaysia sudah cukup menakjubkan dunia keseluruhannya. Kini identiti dan imej Malaysia di mata dunia kian dikagumi sepanjang masa dan pastinya Wawasan 2020 bukan satu angan-angan. Apabila berlaku kemelesetan ekonomi dunia yang turut melibatkan negara kita, cara dan kaedah ekonomi negara diperbaiki supaya dapat mengikut rentak ekonomi dunia, khususnya supaya tidak tertipu oleh putar belit Amerika dan kuasa-kuasa ekonomi dunia.

Isu-isu nasional seperti kedudukan UMNO hingga kepada pengharaman dan perpecahannya kepada Semangat 46, sikap pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang semakin berani meludah beliau dari belakang, PBS keluar daripada BN, sikap kerajaan Australia memburuk-burukkan kerajaan kita, malah isu-isu lama seperti isu perkauman, agama, rasuah, bumiputera dan macam-macam isu lagi cukup-cukup lantang disuarakan dan sudah cukup untuk menamatkan karier politik beliau.

Namun begitu, semua isu-isu tadi bukan menjadikan beliau lemah dan tidak bermaya menghadapi cabaran seterusnya, malah ia menjadikan beliau semakin matang dan berwibawa. Saya terfikir apakah akan berlaku kepada pemimpin-pemimpin agung yang lain seperti beliau di negara lain. Saya tidak berniat menyamakan beliau dengan pemimpin-pemimpin agung yang lain dan sama sekali tidak meletakkan pertaruhan yang tinggi, kerana setiap pemimpin melalui pengalaman yang hampir sama tetapi berbeza keadaan dan situasinya.

Suara-suara sumbang pemimpin-pemimpin PBS dengan membangkitkan isu-isu kenegerian, kedaerahan, perkauman, agama, bahasa dan macam-

macam isu lagi digembeling semata-mata untuk memisahkan Sabah daripada Malaysia – bukan daripada sudut fizikaliti tetapi daripada sudut mental dan pemikiran rakyatnya. Apakah Sabah akan lebih maju jika dipisahkan dari Malaysia atau akan mengalami nasib yang lebih buruk berbanding negara Sudan atau Chad.

Isu-isu anti-Semenanjung, anti-Federal atau lebih tepat anti-Mahathir atau barangkali anti-Melayu, masih terus dieksploitasi selagi semangat *Sabahans* masih melekat dalam hati sanubari rakyat Sabah. Konsep *Sabah for Sabahans* tidak seharusnya dilaungkan dalam sebuah negara berbilang kaum, kerana apa yang berlaku sebenarnya ialah *Sabah is not the Kadazan or the Chinese only* dan Sabah pun bukan untuk orang Melayu sahaja, sebaliknya apabila kita memahami konsep dan istilah perpaduan yang sebenarnya maka perkara-perkara seperti ini tidak sepatutnya dieksploit sebegitu rakus dan melampau sehingga menjejaskan kesatuan dalam negara.

PBS satu-satunya parti yang cukup popular dengan semangat kedaerahan dan kenegerian yang cukup menebal. Barangkali kita tidak salahkan Datuk Joseph Pairin Kitingan, tetapi asas-asas serta identiti parti dibentuk oleh beliau sebagai pucuk pimpinan. Saya tidak berasa ada sesuatu yang lebih istimewa kepada kepimpinan beliau, mungkin dalam pemikiran rakyat Sabah yang sehati dengan sikap kenegerian mengangkat beliau adalah satu-satunya pemimpin yang berjaya dan berwibawa, tetapi sebenarnya, pada pendapat saya beliau telah gagal memahami erti perpaduan yang sebenarnya. Perpaduan yang hakiki yang perlu ada dalam jiwa rakyat Sabah untuk kesinambungan generasi akan datang harus dipupuk oleh pemimpin-pemimpin politik kerana malapetaka perang saudara bila-bila masa boleh berlaku jika tidak ada perpaduan yang hakiki, ini sudah berlaku di Lubnan, Selatan Filipina, Iraq dan sebagainya.

Di Sabah, penyakit-penyakit politik sebenarnya disebabkan oleh sikap buruk pemimpin itu sendiri dan juga oleh sesetengah intelektual yang lupa kepada sejarah bangsa dan negara sanggup diupah untuk memberi gambaran yang salah, yang suka membakar perasaan rakyat amat banyak bermaharajalela di serata kampung. Pemimpin-pemimpin dan kader-kader PBS akan berperanan sebagai kartunis, ustaz, penceramah, guru, salesman, tukang gambar, atau apa sahaja asal terus dapat mengawal pemikiran

rakyat. Sedar atau tidak, kita telah pun ketinggalan jauh dalam memenangi hati rakyat, soalnya apakah kita yakin untuk terus berkuasa dengan cara seperti ini. Tunggu dan lihat, masa dan keadaan akan menentukan masa depan PBS sebagai sebuah parti yang dominan kepada rakyat Sabah.

Buku ini ditulis untuk memperlihatkan gambaran sebenar situasi politik negeri Sabah, saya tidaklah menidakkan kebenaran penulis-penulis politik lain dalam menanggapi apa jua yang mereka fikirkan tentang negeri kelahiran saya ini. Semua pihak bebas menyuarakan pendapat dan isi hati mereka. Cuma saya telah lama berniat untuk menulis sebuah buku tentang negeri kelahiran saya ini, buku yang ditulis oleh rakyat tempatan sendiri dengan memberi gambaran tersendiri.

Apakah benar PBS anti-federal, bagaimana penerimaan UMNO di Sabah, apakah pandangan rakyat Sabah terhadap Dr. Mahathir Mohamad, politik wang, rasuah, perkauman dan banyak lagi isu-isu lama yang diberi nafas baru oleh mereka yang tidak mempunyai cita-cita untuk memajukan negeri dan keharmonian yang berpanjangan. Saya tidak mungkin membawa gambaran secara tepat dan ilmiah, tetapi konsep penulisan buku ini sengaja dibawa dengan konsep kebebasan berfikir supaya semua golongan dapat memahami idea yang saya cetuskan. Buku ini adalah yang ketiga bagi saya, jadi terpulanglah kepada rakyat untuk menerimanya tetapi apa yang lebih penting ialah sejauh mana kita mengubah sikap, mentaliti dan pemikiran kita dalam menanggapi soal-soal yang melibatkan kepentingan nasional.

Tujuan selanjutnya ialah mudah-mudahan orang Melayu, orang Islam dan bumiputera Sabah di zaman yang serba ketinggalan ini akan dapat menyesuaikan diri supaya kita tidak ketinggalan daripada segi kemajuan itu sendiri berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia khususnya. Di tangan pemimpin kitalah sahaja yang mampu sekurang-kurangnya memberi jalan kepada kemajuan itu, kerana sejarah tanah air kita membuktikan pemimpin punya kuasa untuk sesuatu kemajuan itu. Masalah rakyat Sabah adalah masalah nasional, dan tidak sahaja terletak di tangan pemimpin-pemimpin sendiri malah seluruh negara harus melihat kestabilan di tiap-tiap negerinya. Kejayaan dan kegagalan rakyat Sabah akan melibatkan semua rakyat di seluruh Malaysia. Saya tidak menganggap diri saya sebagai hero pembaharuan, tetapi yang lebih penting bagi saya ialah supaya kita sama-sama dapat menikmati kemajuan yang orang lain

telah nikmati.

Akhir sekali, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau merupakan sumber inspirasi kepada saya untuk meneruskan perjuangan ini. Khusus jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayah saya iaitu Hj. Kamunri Hj. Naho dan ibu saya Hj. Harisah Hj. Lile yang telah memberi peluang kepada saya untuk menikmati hidup yang lebih bermakna, kalau bukan kerana ayahanda dan bonda, tidak mungkin saya dapat menghasilkan sekurang-kurangnya buku yang tidak sepertinya ini.

Kepada guru-guru yang pernah mengajar saya atau menjadi guru saya di SRJK (Inggeris) Bombalai, SM Abaka Tawau, SMK Tawau dan SMK Kuhara Tawau. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Cikgu Hussin Perumal (Ismail) seorang tokoh sejarawan tempatan berasal dari Perak kerana bagi saya, beliau mempunyai sesuatu yang sukar untuk saya ucapkan terima kasih saya. Tidak lupa juga kepada orang-perseorangan yang tidak dapat saya sebutkan namanya, di seluruh negeri Sabah dan di Malaysia amnya, khusus kepada rakan-rakan saya di Tawau serta pemimpin-pemimpin UMNO, PBS, PAS dan Penaja UMNO Sabah bahagian Tawau.

“Tak Kan Melayu Hilang Di Dunia.”

Apabila kita sudah memahami secara lebih mendalam pengertian itu, saya percaya kita akan bersatu hati dan berpadu tenaga untuk sama-sama membangunkan bangsa kita. Terpulanglah kepada kita untuk memahaminya dan seterusnya menyusuli pemahaman kita itu, semoga kita tidak akan tewas.

Al-Azharri Sidiq Bin Hj. Kamunri

Tawau, Sabah. Malaysia.

18hb April 1991.

SINOPSIS

DILEMA MELAYU SABAH

'Dilema bangsa Melayu bukan kerana mereka bodoh, melainkan tidak dapat berfikir bagaimana hendak menggunakan peluang yang banyak di tanahair. Sesetengahnya pula sudah ada yang ego dengan internationalisme dan materialisme sehingga lupa kepada sejarah bangsa mereka dan lalai kepada ajaran Islam. Akhirnya mereka menjadi bangsa yang lemah di negara sendiri, tetapi tidak bermakna mereka tidak boleh sedar dan berusaha semula untuk mengembalikan kegemilangan bangsa Melayu'

Pengarang:

Tugu Mat Salleh, Ranau.

27 Jun 1991.



Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia yang diberikan olehNya, maka saya dapat menghasilkan sebuah buku yang seadanya ini. Juga salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang telah mewaqafkan agama suci Islam kepada seluruh umat manusia sehingga kita semua dapat berfikir dengan lebih rasional, hakiki, matang dan tegas dalam mengetengahkan dan mempertahankan yang benar.

Buku bertajuk '**DILEMA MELAYU SABAH**' ini ditulis bertujuan supaya Bumiputera Islam dan masyarakat lain di Sabah yang cintakan keamanan yang berterusan, dapat melihat sendiri betapa mereka telah jauh tersisih daripada arus kemajuan dan pembangunan. Walaupun buku ini khusus untuk rakyat negeri Sabah tetapi banyak sudut pandangan dan perspektif isu-isu yang diperkatakan adalah mengenai orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia juga.

Oleh itu, saya sangat berkeyakinan buku ini cukup sesuai kepada seluruh bangsa Melayu di Malaysia; bukan di Sabah sahaja malah dalam konteks yang lebih nasional saya juga tujukan buku ini kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya orang-orang Cina, India dan sebagainya. Harapan saya semoga kita semua sedar siapa diri kita sebenarnya, sudahkah kita menabur bakti kepada agama, bangsa, negara dan lebih utama lagi ialah apakah kita sudah memahami hakikat sejarah negara ini? Sesungguhnya masih banyak persoalan dan ini telah saya timbulkan dalam buku ini.

Soal sama ada kita tidak bersetuju atau barangkali berkecil hati dengan beberapa pandangan dalam buku ini tidak harus dituruti, malah kita perlu membuka fikiran kita seluas-luasnya dan bertanya kembali apakah kemarahan itu bersebab daripada sentimen nafsu dan perasaan atau diperosok oleh nilai-nilai suka berpolemik bangsa kita? Harus ditegaskan di sini bahawa konsep penulisan buku ini amat mendekati kepada sejarah bangsa Melayu sejak zaman negara kota lagi iaitu bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga kepada zaman darurat, nasionalisme dan kemerdekaan. Saya juga berusaha membongkar sejarah dan perspektif imigran lain seperti orang-orang Cina dari negara China dan orang-orang India dari negara India. Kita tidak boleh menolak hakikat dan kebenaran sejarah, sebab itu saya amat yakin untuk membuka lembaran baru ini, supaya kita tidak lupa kepada sejarah silam negara kita. Saya juga bertujuan

mengingatkan kepada mana-mana pihak khususnya generasi muda bahawa ketuanan, maruah dan survival bangsa Melayu tidak dapat digodok-gadai sama ada dengan wang atau dengan perkataan sekalipun.

Sebab itu kalau kita nampak gaya penulisan buku ini ia cukup terbuka dengan pelbagai macam olahan. Kadang-kadang saya bersahaja, lucu, serius, keras dan tegas kritiknya semata-mata berharap agar semua kaum dan semua golongan dapat menerima buku ini. Di samping itu, saya menggunakan gantiname kita sebagai satu hakikat budaya bangsa Malaysia yang amat cenderung kepada semangat kekitaan. Dengan konsep seperti ini, bermakna buku ini bukan lagi dipandang sebagai buku saya seorang, malah idea-idea dan cetusan pandangan termasuklah kritik-kritiknya adalah milik pembaca juga.

Dalam mengetengahkan persoalan-persoalan dilema orang-orang Melayu dan Bumiputera Islam di Sabah, walaupun saya kelihatan banyak menggunakan nama Dr. Mahathir Mohamad (seterusnya disebut Dr. Mahathir), khususnya idea-idea beliau tidak bermakna saya pro 100% kepada beliau. Saya cukup tertarik dengan idea, pemikiran termasuklah visi dan misi beliau dalam mengangkat maruah bangsa dan negara ke tahap 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan bangsa-bangsa dunia yang lain. Di beberapa bahagian, saya juga menyentuh kritik beliau, jadi sebarang tanggapan bahawa saya tenggelam dalam arus 'Mahathirisma' adalah tidak tepat. Saya banyak membaca buku-buku mengenai Dr. Mahathir malah buku yang ditulis oleh beliau sendiri menjadi rujukan penting, harapan saya agar orang-orang Melayu dapat turut sama memajukan diri dan bangsa Melayu ke tahap yang lebih baik. Saya juga tidak bermaksud untuk mengulang-ngulang secara berlebihan keluarbiasaan Dr. Mahathir, kerana saya sangat percaya rakyat Malaysia sudah cukup menjadi saksi memperakui kecemerlangan beliau dalam mentadbir negara kita.

Dalam pada itu, saya tidak sekali-kali mengenyepikan suara-suara pembangkang kerana di dalam beberapa perbincangan saya juga ada mengambil logika daripada kritik pembangkang. Sebab itulah juga saya membaca buku *Malaysia Crisis if Identity* oleh Lim Kit Siang. Begitu juga walaupun saya nampak mengkritik dasar-dasar kepimpinan kerajaan PBS, tidak bermakna saya tidak hendak mengakui beberapa dasar pemerintahan

Datuk Joseph Pairin Kitingan yang baik untuk rakyat Sabah. Malah jika kita menghayati buku ini, saya lebih banyak mengkritik kepimpinan dan dasar-dasar kepimpinan parti USNO; yang sekarang ini sudah menyertai UMNO.

Tujuan saya ialah supaya semua rakyat tidak kira penyokong kerajaan atau pembangkang dapat menerima buku ini sebagai satu *the best merit of motivation supply*, dan seterusnya menghasilkan dimensi baru dalam arena politik dan sosio-ekonomi negara. Jadi, tidak ada sebab untuk pihak-pihak tertentu mengeneipkan buku ini sebagai propaganda sesuatu pihak. Sewaktu saya menghasilkan buku ini pun saya masih belum menyertai mana-mana parti politik. Jadi tidak bermakna apabila ada yang saya pro maka saya dicap sebagai kontra kepada pihak lain dan begitu juga sebaliknya, tidak benar jika saya kontra dan kritik sesuatu pihak maka saya dilabel sebagai anti pula kepada pihak sebalahnya.

Sesuai dengan proses kemasukan UMNO ke Sabah pada tahun ini (1990), saya melihat bahawa orang-orang Melayu dan Bumiputera Islam dapat bersatu di dalam satu wadah yang cukup matang, dinamis, pragmatik dan sistematik. Cuma saya sering mengingatkan orang-orang Melayu dan mereka yang beragama Islam supaya tidak menjadikan UMNO sebagai parti untuk mencipta kekayaan, subsidi dan sebagainya. Kita tidak hendak UMNO menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa pemalas dan ‘bangsa subsidi’ sebaliknya kita hendak dengan kedatangan UMNO ke Sabah orang-orang Melayu menjadi bangsa yang rajin dan berdikari, dengan menggunakan apa sahaja peluang yang disediakan. Seperti juga di Semenanjung Malaysia, UMNO tidak sekal-kali akan mengeneipkan kaum-kaum lain, malah peluang yang adil sentiasa diberikan supaya mereka juga turut sama menikmati keadilan dengan saksama. Apa yang ditegaskan ialah kita tidak hendak kaum-kaum ini mencemuh pula bangsa Melayu dari belakang, sebab walaupun bangsa Melayu sudah cukup banyak berkorban ada ketikanya mereka tidak lagi boleh bersabar.

Dalam memperkatakan bangsa ‘Melayu’ secara lebih mendalam, saya telah kembali ke zaman Hang Tuah dengan slogan ‘Takkan Melayu Hilang Di Dunia’ malah saya mengoreksi timbunan sejarah perjuangan orang-orang Melayu menentang Malayan Union dengan harapan orang-orang Melayu dan Bumiputera Islam di Sabah dapat mempelajari pengajaran

sejarah ini. Dalam pada itu, saya juga berasa cukup yakin orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia menggunakan buku ini sebagai barang ingatan moga-moga mereka tidak tenggelam dengan internasionalisme dan materialisme.

Lebih daripada itu, saya telah cuba menyelam di dalam fikiran bangsa Melayu zaman moden ini, dengan tujuan mana-mana sikap yang bertentangan dengan tamadun dan budaya, visi dan misi, harapan dan cabaran, sejarah dan agama dapat disedarkan. Sebab itu di beberapa bahagian saya tidak lari daripada memperkatakan tentang penjajahan fikiran (*colonialism of mind*) dan kemerdekaan psikologi.

Apabila ada orang-orang Melayu yang menjatuhkan maruah bangsa dengan mendedahkan tubuh badan mereka di luar negara, saya mengkritik budaya itu sebagai budaya penjajah. Di bidang seni contohnya, saya tidak dapat menerima pendapat mereka yang mengagung-agungkan seni sebagai *glamourist* dan eksklusif, malah tidak salah melakukan adegan yang bertentangan dengan norma bangsa kita. Saya berpendapat seni adalah milik masyarakat dan tidak semestinya jika ada kes rogol dan kelucahan dilakukan oleh masyarakat di luar sana maka di layar filem kita hendak tayangkan isu ini dengan menyuruh pelakon kita melakonkan adegan yang sama. Apabila dikatakan seni adalah milik masyarakat, maka kita kena tahu sensitiviti masyarakat dan sebarang penghasilan idealisme filem perlu diteraskan kepada pendapat majoriti masyarakat terutama perkara berkaitan hukum yang menegahnya.

Kesan-kesan penjajahan fikiran kepada orang Melayu bukan sahaja di Sabah, malah di semua tempat menunjukkan betapa mereka telah terpesong daripada hakikat yang sebenarnya. Saya terlalu khawatir jika orang-orang Melayu masih belum merdeka daripada segi psikologi, maka sukar untuk mereka mengerti Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Baru (DPB) padahal kita sedar daripada perbincangan tokoh-tokoh ekonomi, politik, sasterawan dan agama sendiri telah memahamkan kepada masyarakat betapa pentingnya wawasan ini. Sebab itulah saya memberanikan diri menegur dan membuka fikiran orang-orang Melayu supaya mereka juga dapat berfikir bagaimana harus berganding bahu membina kecemerlangan bangsa dan negara. Saya mengolah, menusuk, mencipta, mengubah dan merubah, merevolusikan dan memberikan bentuk-bentuk baru 'gaya

penulisan' supaya lebih berkesan dan dapat diterima oleh semua golongan termasuklah para pelajar, siswazah universiti, pelajar-pelajar sekolah, belia-belia, ulama dan tokoh-tokoh politik dan ekonomi. Gambaran sebaiknya yang dihasilkan memang ada kelemahan dan kekurangannya, tetapi tidak harus difikirkan malah saya meminta jika terbukti ada kelemahan dan kekurangan kaji dan fikirkanlah kelemahan dan kekurangan itu supaya menjadi baik. Tidak harus dikonflikkan dan dikontroversikan, kecuali perlu untuk suatu pemahaman yang lebih tepat.

Dalam pada itu, dalam mana-mana bab saya tidak pernah atau cuba melupakan sejarah bangsa dan negara sebagai teras perbincangan. Gabungan dengan idea-idea dan pemikiran berteraskan Islam menghasilkan kesinambungan yang cukup konkrit dan bermotivasi. Sebab itu saya telah membaca buku "The Closing Mind Of Amerika" yang ditulis oleh Allan Bloom untuk diberi kepada orang-orang Melayu bahawa semata-mata melihat kepada barat dan Amerika sahaja bukanlah contoh yang terbaik untuk membina tamadun dan kemajuan bangsa. Orang-orang Amerika sendiri mengalami krisis intelektual dan budaya hidup 'loose' seperti ketagihan dadah, arak, rasuah, jenayah, rompak, homoseks, aids dan sebagainya. Allan Bloom memberitahu kepada dunia bahawa generasi Amerika dalam bahaya kerana mereka tidak tahu sejarah bangsa dan negara mereka. Kebebasan asasi pada pendapat mereka ialah bebas melakukan adegan seks, tiada larangan menagih dadah atau tidur di tepi-tepi jalan. Jadi perlukah kita mencontohi dan melihat Amerika sebagai *way of life* sedangkan umat Melayu dan manusia sejagat telah diberikan aturan hidup yang lebih lengkap iaitu agama Islam. Selalu ditegaskan bahawa agama Islam tidak sekali-kali menolak kemajuan, sebab Islam itu sendiri agama maju yakni agama kemajuan.

Sebelum ada kemajuan yang diciptakan oleh orang-orang barat, ajaran-ajaran agama Islam sudah cukup lengkap dan maju. Sejarah sendiri tidak menafikan bahawa banyak kemajuan daripada segi perubatan, matematik, perkapalan dan sebagainya diasaskan oleh orang-orang Islam seperti Ibnu Sina, Al-Khawarismi, Al-Ghazali dan sebagainya. Dan ada pendapat mengatakan sewaktu kegemilangan Baghdad sebagai gedung ilmu dan cendikiawan, sudah ada orang-orang barat yang dihantar untuk belajar kemajuan umat Islam. Barangkali kelalaian umat Islam maka mereka ini

mencuri ilmu-ilmu dan idea-idea intelektual Islam dan mereka mendakwa merekalah pengasasnya. Jadi kita perlu mengkaji sejarah bangsa Melayu dan agama Islam sendiri, supaya kita dapat melihat kebenaran dan menghapuskan pendustaan.

Jadi kita sebagai umat Islam dan umat Nabi Muhammad SAW perlu berfikiran rasional dan tidak cuai kepada sejarah bangsa dan agama kita. Kita sebenarnya dituntut untuk berfikiran maju ke depan, supaya orang lain tidak mungkin lagi untuk memperkatakan bangsa Melayu dan umat Islam sebagai bangsa dan agama kemunduran. Kita perlu memikirkannya.

Oleh yang demikian, saya percaya buku ini cukup berguna kepada bangsa Melayu bukan sahaja di Sabah malah di Semenanjung Malaysia termasuklah Sarawak. Orang orang Melayu di Sabah termasuk Bumiputera Islam dan Bukan Islam, termasuklah orang-orang Cina dan Kadazan diharapkan menjadikan buku ini sebagai rujukan untuk menghayati pandangan orang lain tentang keadaan negeri Sabah, perasaan mereka yang mengalami kesusahan yang melampau. Jika semua orang sudah dapat faham-memahami dan saling percaya-mempercayai maka bukanlah satu kemustahilan untuk menjadikan negeri Sabah ini maju dan setanding dengan negeri-negeri lain.

Sikap suka bermusuhan-musuhan bukanlah cara yang terbaik untuk membangunkan negeri ini, kerana jika kita terus bermusuhan dan mengenyepikan hak dan survival sesuatu bangsa maka adalah satu kesilapan paling besar. Jika kita saling tuduh-menuduh dan banyak bercakap, kekayaan dan kemajuan serta peluang-peluang untuk maju akan dicuri oleh orang lain kerana kita tidak nampak peluang itu yang kita nampak ialah kita bergaduh, bermusuhan dan menjadi hero dalam bercacamerba. Kita tidak sedar orang-orang kita semakin hari semakin terketepi dan lama-kelamaan kita tidak ingin lagi tinggal di negeri kita kerana peluang-peluang untuk hidup bahagia tidak ada lagi sebaliknya diganti dengan penderitaan dan kesusahan. Sebab itu perpaduan cukup penting dan perpaduan yang hakiki hanya dapat dihasilkan jika kita sudah dapat mengetahui hakikat diri dan bangsa kita sebenarnya; yakni melalui sejarah.

Semoga dengan buku ini orang-orang Melayu khususnya di Sabah dan amnya di Semenanjung Malaysia termasuklah Sarawak dapat mengerti betapa pentingnya kita memajukan bangsa kita, supaya generasi akan

datang juga dapat mengecapi nikmat kemajuan dan kebahagiaan negara ini secara berterusan. “Takkan Melayu Hilang Di dunia” kata Hang Tuah. Persoalannya apakah atau sudahkah orang-orang Melayu membina dan mengukuhkan hak-hak dan survival bangsa mereka setelah lebih 400 tahun kata-kata itu diluahkan, khususnya dengan dimensi baru kehidupan orang-orang Melayu yang pernah terjajah dan masih belum merdeka psikologi dengan ditambah pula arus kehidupan yang cukup mencabar di dalam dunia zaman moden, saintifik dan berteknologi ini? Sama-samalah kita memikirkannya dan seterusnya mengambil tindakan susulan.

BAB PERTAMA

UMNO DI TENGAH-TENGAH POLITIK SABAH

*“Perpaduan di kalangan orang Melayu
bukanlah satu perkara
yang mudah. Sejarah membuktikan bahawa
bangsa Melayu lebih mudah
berpecah-belah dari bersatu-padu”*

Dr. Mahathir Mohamad.

1976.

Buku 'Menghadapi Cabaran'

Saudara Yahya Ismail berkata politik negeri Sabah sama hebat dan sama panas dengan sabung ayam di Penampang, malah hampir semua penulis politik di Malaysia khususnya menganggap politik Sabah sebagai unik, aneh dan sukar diberi perhitungan.

Kalaulah kita menganggap pertarungan politik di Sabah dewasa ini sama hangatnya atau barangkali lebih hebat dengan pertarungan dua pemimpin yang merebut satu jawatan Presiden parti, tentunya masih ada menganggap kegawatan politik Negeri Di Bawah Bayu ini sama sibuknya dengan penjualan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Walau pun suasana agak dingin dan nyaman, tetapi pertarungan mengejar kejuaraan tetap menghasilkan keputusan yang panas.

Fenomena 'boom boom boom' adalah menjadi perkara biasa setiap tahun, asal saja seseorang pemimpin itu tahu isu yang hendak dimainkan, setidak-tidaknya walaupun tidak membakar hati rakyat sekurang-kurangnya memanas hati mereka. Yang bijak tentulah akan menang, dan yang kalah pula tidak mahu dikatakan kalah sebab dia akan berusaha semula untuk menang.

Akhirnya kita dapati tidak ada sesiapa yang kalah atau yang menang. Tidak juga seri, kerana yang menang akan tetap mengiakan kemenangannya. Beginilah pelik dan uniknya politik Sabah, mereka tidak menghayati kata pepatah yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu.

Sejarah perjuangan parti USNO membuktikan ia sepatutnya semakin matang mengharungi tahun-tahun penuh onak berduri. Malangnya tidak ada yang cuba menyelami apakah di sebalik ketewasan dan kecundangnya parti USNO sepanjang pilihanraya sejak tahun 1976 hinggalah 1990 menandakan detik mulanya kegelapan dalam parti USNO sendiri. Kita tidak faham kenapa pada tahun 1976, UMNO tidak menghadirkan diri walau pun Tun Datu Mustapha mengakui sendiri bahawa usaha membawa UMNO ke Sabah sudah bermula sejak 1963.

Kemenangan parti BERJAYA dalam tahun 1976 itu banyak didorong oleh pemimpin-pemimpin pusat, khususnya dengan campurtangan Allahyarham Tun Razak. Memanglah tidak kena jika perkiraan sejarah tahun 1976 digunakan untuk memahami ketewasan USNO dan kemenangan BERJAYA ketika itu.

Apa yang harus kita fikirkan ialah BERJAYA ketika itu sebagai

'Perpaduan di kalangan orang Melayu bukanlah satu perkara yang mudah. Sejarah membuktikan bahawa bangsa Melayu lebih mudah berpecah-belah dari bersatu-padu'

(Dr. Mahathir Mohamad, Buku 'Menghadapi Cabaran', 1976)

'Nasib orang-orang Melayu dan agama Islam akan menjadi amat buruk jika UMNO hancur. UMNO tidak akan hancur kerana serangan musuhnya tetapi UMNO boleh hancur kerana pecah-belah di dalam parti, kerana sengketa ahli-ahli UMNO'

(Dr. Mahathir Mohamad, Dewan Merdeka, PWTC, 27 September 1985)

'Kita Semua Telah Mengiktiraf Kedudukan Bumiputera Dan Hak Kerakyatan Bagi Bukan Melayu, Termasuk Kaum Cina Dan India, Yang Layak Dan Memilih Untuk Menjadi Warganegara Malaysia'

(Dr. Mahathir Mohamad, Dewan Rakyat, 28 Oktober 1987)



Harga : RM 27.00

ISBN 978-967-11214-0-5



9 789671 121405

